



# جابتن كواغن دان فرينداهاراءن نكري ملاك

## JABATAN KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI MELAKA

Aras 2, 3 & 4, Blok Bentara  
Kompleks Seri Negeri  
Hang Tuah Jaya, Ayer Keroh  
75450 MELAKA

Tel (ONCC) : 06-333 3333  
Faks : 06-231 6489  
Laman Web : jkpnm.melaka.gov.my

Ruj. Kami : PNM(G)006 Jld.39 (46)  
Tarikh : 7 Oktober 2024  
Rabiulakhir 1446H

Semua Ketua Jabatan/ Pusat Tanggungjawab

### Seperti Di Lampiran

S.S Datuk/ Y.A.A Datuk/ YBhg. Datuk/ Tuan/ Puan,

### MAKLUMAN AWAL PEMBAYARAN PELARASAN GAJI UNTUK PELAKSANAAN SISTEM SARAAAN PERKHIDMATAN AWAM (SSPA) BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI MENGGUNAKAN SISTEM PERAKAUNAN AKRUAN KERAJAAN NEGERI (iSPEKS)

Dengan segala hormatnya saya di arah merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti S.S Datuk/ Y.A.A Datuk/ YBhg. Datuk/ Tuan/ Puan maklum, pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan telah pun diumumkan oleh YAB Perdana Menteri di dalam Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam (MAPPA) ke-19. Pelaksanaan SSPA ini diperincikan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 manakala peraturan pembayaran pelarasan gaji bagi tujuan tersebut diperincikan di dalam Surat Pekeliling Akauntan Negara (SPANM) Bilangan 6 Tahun 2024. Peruntukan kedua-dua surat pekeling ini juga dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Badan Berkanun Persekutuan, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan tertakluk kepada penerimaan oleh pihak berkuasa masing-masing.

3. Bagi melancarkan pembayaran pelarasan gaji Fasa 1 melalui iSPEKS di peringkat Kerajaan Negeri yang menerima pakai SSPA, tindakan yang perlu diambil adalah seperti berikut :

- i. Memastikan semua Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) pegawai termasuk tunggakan diselesaikan pada gaji Oktober 2024. **PTJ tidak dibenarkan untuk membuat sebarang perubahan gaji (changes) pada bulan November 2024 sehingga Januari 2025** selain daripada pelarasan gaji SSPA **kecuali** melibatkan pegawai yang bersara atau meninggal dunia;

- ii. Membuat pengiraan pelarasan gaji secara manual **berdasarkan data gaji bulan Oktober 2024 dalam format excel yang akan diberikan** oleh Pejabat Bendahari Negeri (data akan diberikan selepas 15 November 2024);
- iii. Mengunci masuk maklumat pegawai yang menerima opsyen SSPA dan layak menerima pelarasan gaji melalui Penyata Perubahan Mengenai Pendapatan Seseorang Pegawai (Kew.8) di Modul Gaji (PY) **selewat-lewatnya atau pada 29 November 2024 (Jumaat)**; dan
- iv. Bayaran pelarasan gaji ini akan dibayar bersekali dengan emolumen Disember 2024. PTJ adalah bertanggungjawab menyemak dengan teliti dan memastikan perkiraan betul dan tepat berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024. **Sekiranya terdapat amaun yang telah dibayar kepada pegawai yang tidak layak, PTJ hendaklah mengutip semula semua amaun yang telah dibayar** tersebut.

4. Pertanyaan lanjut berhubung perkara ini boleh diajukan kepada Unit Perkhidmatan Operasi Perakaunan (Gaji) ditalian 062307285/ 7298/ 7802. Sebarang perubahan atau makluman berkenaan perkara ini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa. Kerjasama dan perhatian S.S Datuk/ Y.A.A Datuk/ YBhg. Datuk/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"  
"BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT"  
"MALAYSIA MADANI"  
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
(SUZAIMAN BIN ELIAS C.A(M))  
Bendahari Negeri  
**MELAKA**



s.k. YB Datuk Wira Pegawai Kewangan Negeri

## SENARAI EDARAN JABATAN KERAJAAN NEGERI

1. Setiausaha Sulit TYT Yang Dipertua Negeri,  
Pejabat TYT Yang di-Pertua Negeri Melaka,  
Jalan Seri Negeri, Hang Tuah Jaya,  
75450, Ayer Keroh,  
**MELAKA.**
2. Ketua Menteri Melaka,  
Aras 4 (Suite), Blok Temenggong,  
Seri Negeri, Hang Tuah Jaya,  
75450, Ayer Keroh,  
**MELAKA.**
3. Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan,  
Unit Dewan dan MMKN,  
Aras 1, Blok Shahbandar,  
Seri Negeri, Hang Tuah Jaya,  
75450, Ayer Keroh,  
**MELAKA.**
4. Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan,  
Jabatan Ketua Menteri Melaka,  
Unit Kewangan,  
Aras 2, Blok Temenggong,  
Seri Negeri, Hang Tuah Jaya,  
75450, Ayer Keroh,  
**MELAKA.**
5. Pengurus Besar,  
Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka (TAPEM),  
No 34-4, Tingkat 4, Bangunan Kota Cemerlang,  
75450, Ayer Keroh,  
**MELAKA.**
6. Pengurus Besar,  
Bahagian Promosi Pelancongan,  
Jabatan Ketua Menteri Melaka,  
Lot G-14, Kota Cemerlang,  
75450, Ayer Keroh,  
**MELAKA.**

13. Pegawai Daerah,  
Pejabat Daerah dan Tanah Jasin,  
77000, Jasin,  
**MELAKA.**
14. Pengarah,  
Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Melaka,  
Aras 3, Wisma Negeri,  
Jalan Wisma Negeri, Kompleks MITC,  
75450, Ayer Keroh,  
**MELAKA.**
15. Pengarah,  
Jabatan Perhutanan Negeri Melaka,  
75450, Ayer Keroh,  
**MELAKA.**
16. Pengarah,  
Jabatan Kerja Raya Negeri Melaka,  
Peti Surat 96, Jalan Taming Sari,  
75906, **MELAKA**
17. Jurutera Daerah,  
Jabatan Kerja Raya Melaka Tengah,  
Peti Surat 96, Jalan Taming Sari,  
75906, **MELAKA.**
18. Jurutera Daerah,  
Jabatan Kerja Raya Jasin,  
77000, Jasin,  
**MELAKA.**
19. Jurutera Daerah,  
Jabatan Kerja Raya Alor Gajah,  
78000, Alor Gajah,  
**MELAKA.**
20. Ketua Penolong Pengarah Mekanikal,  
Jabatan Kerja Raya Melaka,  
Cawangan Kejuruteraan Mekanikal Negeri Melaka,  
Jalan Taming Sari,  
75906, **MELAKA.**